



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar di **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR, LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** dan **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT (JCCD)** yang masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini bagi membuat kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KEPALA / SUB KEPALA	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	MEMBINA GERAI MAKAN 'PORT NGETEH' SERTA KERJA BERKAITAN DI KAWASAN REKREASI SUNGAI AYER BALOI, PONTIAN, JOHOR (MPPn / SH / 64 / 2024)	G1 Bumiputera	CE01 & CE21	RM 50.00	Ahad – Rabu 8.30 pagi – 3.00 petang Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang
2.	KERJA – KERJA MEMBINA PUSAT KOMUNITI SERTA KERJA BERKAITAN DI TAMAN DESA HARTA RIA, PONTIAN, JOHOR (MPPn / SH / 63 / 2024)	G2 Bumiputera	B04 & CE21	RM 50.00	
3.	KERJA – KERJA MEMBINA PUSAT KOMUNITI SERTA KERJA BERKAITAN DI TAMAN DESA INDAH, BENUT, PONTIAN, JOHOR (MPPn / SH / 40 / 2024)	G2 Bumiputera	B04 & CE21	RM 50.00	
4.	MENAIK TARAF LAMPU ISYARAT SERTA KERJA BERKAITAN DI PERSIMPANGAN TAMAN UTAMA, PEKAN NANAS (MPPn / SH / 59 / 2024)	G2/G3 Bumiputera	E16 & E17	RM 50.00	
5.	MENAIK TARAF LAMPU ISYARAT SERTA KERJA BERKAITAN DI PERSIMPANGAN PUSAT PERDAGANGAN PONTIAN (MPPn / SH / 60 / 2024)	G2/G3 Bumiputera	E16 & E17	RM 50.00	

2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **06 Oktober 2024 (Ahad) jam 9.00 pagi**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Persidangan, Aras 3, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

3. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 hanya **penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Johor Centre For Construction Development (JCCD) sahaja yang di benarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan. Sehubungan dengan itu, **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.

4. Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **HANYA KONTRAKTOR YANG MENGHADIRI SESI TAKLIMAT LAYAK UNTUK MEMBELI DOKUMEN SEBUT HARGA**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **salinan asal** serta **fotostat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, Perakuan Pendaftaran Asal **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, Taraf Bumiputera dari BPKU, **Sijil Kontraktor Johor (JCCD)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen sebut harga. **KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN**.

5. **Dokumen mula dijual** pada **06 Oktober 2024 (Ahad)** (selepas lawatan tapak) . **Tarikh akhir penyerahan** dokumen sebut harga pada **13 Oktober 2024 (Ahad)**, tidak lewat dari **Jam 12.00 Tengahari**.

6. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah disampul surat berlakri yang bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor**.


(**HAJI AB RAZAK BIN KHALID**)
Yang Di Pertua,
Majlis Perbandaran Pontian.
Bertarikh : **2** Oktober 2024

